

23 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Dalil)

SAYA TERPERANJAT SURAT SAYA DALAM 50 DALIL, KATA UMMI HAFILDA

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Ummi Hafilda Ali berkata beliau terperanjat apabila mengetahui bahawa suratnya, yang mendedahkan dakwaan skandal seks Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dianggap sulit, terdapat dalam buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM".

"Saya tidak pernah memberi kebenaran kepada penulisnya, Khalid Jaffri untuk memuatkan surat itu dalam buku itu," katanya di Mahkamah Tinggi di sini.

Ummi Hafilda berkata beliau telah menyoal dan memarahi penulis itu secara diplomasi, kerana memuatkan surat itu tanpa izin di dalam buku itu, semasa pertama kali berjumpa dengannya apabila permohonan injunksi buku itu difailkan di Mahkamah Tinggi di sini tahun ini.

Ummi Hafilda, 31, berkata demikian pada perbicaraan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang menghadapi empat tuduhan menyalahgunakan kuasa dengan menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Anwar, 51, didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Perbicaraan itu, yang masuk hari ke-32, didengar di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk S. Augustine Paul.

Ummi Hafilda, ialah adik kepada bekas Setiausaha sulit Anwar, Mohd Azmin.

Dalam surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" yang dihantarnya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ummi Hafilda mendakwa isteri Azmin, Shamsidar Taharin, mempunyai hubungan sulit dengan Anwar dan surat itu disertakan bersama pengakuan bersumpah Azizan Abu Bakar bahawa beliau diliwat Anwar.

Azizan ialah bekas pemandu isteri Anwar Datin Seri Wan Azizah Ismail.

Ummi Hafilda berkata beliau kini rapat dengan Khalid dan Khairuddin Abu Hassan, penerbit buku itu, kerana hampir dua bulan berada bersama-sama dalam bilik saksi berkenaan kes rasuah terhadap Anwar.

Ummi Hafilda berkata beliau ada bertanya Khalid mengenai surat berkenaan tetapi penulis itu tidak mahu mendedahkan punca atau sumber surat dan gambar yang terdapat dalam buku itu.

Menurutnya gambar beliau, Anwar dan Shamsidar yang terdapat dalam buku itu berbeza daripada yang diserahkan kepada polis tahun lepas.

Semasa ditanya kejadian penangkapannya di rumah Dr Ristina Majid di Bangsar, Ummi Hafilda berkata beliau menghubungi Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna dan disarankan menelefon Tan Sri Norian Mai, Timbalan Ketua Polis Negara dan beliau berbuat demikian.

Semasa disoal semula oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Azahar Mohamed, berkaitan beliau memberi kenyataan lebih 10 kali di ibu pejabat polis Bukit Aman, Ummi Hafilda berkata ia bukan berkaitan kes 50 Dalil tetapi berhubung ancaman dan ugutan bunuh yang beliau dan ibunya terima selepas Anwar dipecat.

Mengenai kontrak yang diperolehi daripada Pemadam Kebangsaan dari 1992 dan berakhir 7 April 1997, beliau menjelaskan permohonan dibuat melalui jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Datin Paduka Rakibah Manap.

"Saya tidak meminta bantuan Datuk Seri Megat Junid untuk mendapatkan kontrak ini," katanya.

Ditanya sebab tidak melaporkan kejadian ditangkap polis kepada orang-orang tertentu seperti Tun Daim Zainuddin, Menteri Tugas-tugas Khas dan Megat Junid, beliau berkata: " Saya tidak melaporkan kepada mereka selepas ditangkap dan dibebaskan polis pada 18 Ogos 1997 kerana tidak yakin dan percaya pada mana-mana tokoh politik atau pihak polis kerana peristiwa tersebut telah menjadi fobia dalam hidup saya".

Sebelum itu, Ummi Hafilda menolak cadangan Gurbachan bahawa beliau pernah dijemput oleh pemandu Daim untuk bertemunya bersama Khalid dan Khairuddin berhampiran sebuah kelab di Taman Melawati.

Perbicaraan disambung pagi esok.

-- BERNAMA

NHD NAK